

**PROSES KERJA PENGURUSAN ADUAN
KEWANGAN DAN AKAUN**

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG /PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
1	Aduan yang dikemukakan dikenal pasti	Pesuruhjaya Bangunan dan Timbalan Pesuruhjaya Bangunan	Bahagian IV, V, dan VI menyatakan prosedur / bidang kuasa yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju / JMB /MC / Sub MC /Ejen Pengurusan dalam pengurusan kewangan dan akaun bagi pengurusan bangunan bertingkat. Sekiranya peruntukan dalam Bahagian ini gagal dipatuhi, Pesuruhjaya Bangunan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan penyelesaian/perundangan sebagaimana peruntukan Akta 757.
2	Siasatan dokumen / tapak dijalankan oleh Pesuruhjaya Bangunan untuk mengenal pasti: 1. Punca masalah 2. Pihak terlibat 3. Mendapatkan bukti-bukti aduan seperti akaun, penyata, rekod-rekod perakaunan dan perkara-perkara lain berkaitan		
3	Laporan siasatan disediakan oleh Pesuruhjaya Bangunan		
4	Pesuruhjaya Bangunan mengeluarkan surat arahan tindakan kepada pihak pengurusan berserta perkara berikut: 1. Tempoh untuk tindakan ditetapkan kepada pihak terlibat. 2. Tindakan yang dijalankan perlu dimaklumkan kepada Pesuruhjaya Bangunan		

	Jika pihak pengurusan tidak boleh menyelesaikan, maka Pesuruhjaya Bangunan akan menetapkan kaedah penyelesaian seperti mesyuarat / perbincangan / nasihat / taklimat yang mana bersesuaian.		
5	Pihak pengurusan menjalankan arahan untuk menyelesaikan aduan sebagaimana yang diarahkan oleh Pesuruhjaya Bangunan. Memaklumkan kepada Pesuruhjaya Bangunan berkenaan tindakan yang telah diambil pada tempoh yang telah ditetapkan	Pemaju/JMB/MC/Sub MC/Ejen Pengurusan	
6	Pesuruhjaya Bangunan memastikan pihak berkenaan menjalankan arahan yang dikeluarkan. Sekiranya pihak terlibat gagal atau tidak menjalankan arahan tersebut dengan sebaiknya, Pesuruhjaya Bangunan akan menjalankan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan Akta atau ke Tribunal Pengurusan Strata jika berkaitan. Aduan selesai jika pihak berkenaan menjalankan arahan seperti dikeluarkan.	Pesuruhjaya Bangunan dan Timbalan Pesuruhjaya Bangunan	

	Mengeluarkan surat makluman kepada pengadu.		
--	---	--	--